

Templat Pembinaan Model Haji Meningkatkan Kefahaman Murid Membezakan Rukun Haji Dan Perkara Wajib Haji

Nurul Sazwani Idris

Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Saujana Putra

Pengarang pengantara: eone842000@gmail.com

Abstrak

Topik Haji dan Umrah merupakan sub topik bidang Fiqh bagi mata pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 4. Topik ini merupakan topik yang penting dalam kehidupan seorang pelajar muslim kerana ianya merupakan salah satu Rukun Islam dan juga turut terkandung dalam silibus Pendidikan Islam KSSM yang turut disoal dalam peperiksaan SPM. Pengkaji mendapati beberapa orang murid terkeliru di antara Rukun dan Perkara Wajib Haji ini sehingga menyebabkan murid membiarkan kertas jawapan kosong ketika Pentaksiran Pertengahan Tahun dan berlarutan sehingga Pentaksiran Akhir Tahun Tingkatan 4. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk menambah baik amalan pengajaran guru dalam membantu murid membezakan Rukun dan Perkara Wajib Haji sekaligus meningkatkan kefahaman murid tentang perkara tersebut. Dalam kajian ini, murid membina Model Haji menggunakan templat yang disediakan oleh guru untuk membantu mereka membezakan Rukun dan Perkara Wajib Haji. Data dikumpulkan melalui Pentaksiran Akhir Tahun dan analisis dokumen soalan Ujian Topikal 1 sebelum kajian dijalankan. Seramai 2 orang murid lelaki Tingkatan 4 Epsilon terlibat dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian menunjukkan pembinaan Model Haji membantu meningkatkan kefahaman murid membezakan Rukun dan Perkara Wajib Haji berdasarkan peningkatan markah iaitu Murid 1 berjaya memperoleh sebanyak 72% markah manakala Murid 2 berjaya memperoleh markah sebanyak 92%. Pengkaji mengharapkan agar inovasi templat pembinaan model haji ini dapat membantu guru-guru Pendidikan Islam dalam menyampaikan pengajaran Topik Haji dan Umrah dengan lebih berkesan khususnya dalam membezakan Rukun Haji dan Perkara Wajib Haji.

Kata Kunci: *Haji; Model Haji; Perkara Wajib Haji; Rukun Haji; Umrah*

1.0 Pengenalan

Kajian ini berfokuskan kepada sub topik Haji dan Umrah iaitu Rukun Haji dan Perkara Wajib Haji yang merupakan elemen penting dalam menunaikan Ibadah Haji dan Umrah. Murid yang terlibat dalam kajian ini ialah 2 orang murid Lelaki dari Tingkatan 4 Epsilon Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Saujana Putra, Selangor. Dalam silibus Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) topik ini merupakan sub topik di bawah bidang Fiqh Tingkatan 4 bagi sekolah menengah. Bagaimanapun ibadah haji dan umrah ini merupakan diantara syiar Islam yang semenjak dari kecil lagi, murid telah didedahkan berkenaan ibadah ini terutamanya ketika 10 Dzulhijjah di mana seluruh Umat Islam merayakan Hari Raya Aidiladha yang sinonim dengan Ibadah Haji dan juga Ibadah Korban. Walaubagaimanapun, dalam Pentaksiran Akhir Tahun yang dijalankan kepada murid Tingkatan 4 Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Saujana Putra, saya dapati terdapat 2 orang murid ini tidak dapat mengingat Rukun Haji apatah lagi untuk membezakan Rukun Haji dan Perkara Wajib Haji. Ketika murid ini berada di Tingkatan 5, saya sekali lagi melaksanakan Ujian Topikal 1 bagi melihat prestasi murid dalam topik ini, akan tetapi didapati murid masih belum mampu menyatakan Rukun Haji mahupun Perkara Wajib Haji ini. Maka selaku guru Mata Pelajaran Pendidikan Islam, pengkaji merasakan perlunya suatu kaedah bagi membantu murid memahami Rukun Haji dan Umrah sekaligus membezakan di antara Rukun Haji dan Perkara Wajib Haji.

1.1 Penyataan Masalah

Topik haji merupakan antara topik yang agak sukar bagi murid Tingkatan 4. Ini adalah kerana, topik ini mempunyai banyak fakta yang perlu difahami dan dikuasai agar akhirnya murid boleh membezakan di antara fakta ini dengan baik terutamanya di antara Rukun Haji dan Perkara Wajib Haji. Sepanjang pengkaji mengajar topik ini, didapati ramai murid terkeliru di antara Rukun dan Perkara Wajib Haji ini. Kesannya, pengkaji mendapati bahawa murid tidak menjawab topik ini dan membiarkan kertas jawapan mereka kosong ketika Pentaksiran Pertengahan Tahun dan berlarutan sehingga Pentaksiran Akhir Tahun Tingkatan 4, sedangkan selepas Pentaksiran Pertengahan Tahun, murid-murid ini telah didedahkan semula dengan menerangkan kesalahan ketika pentaksiran tersebut dan telah membuat pembetulan bagi topik yang salah, dukacitanya pengkaji mendapati ketika Pentaksiran Akhir Tahun, kesalahan yang sama berulang. Pengkaji tertanya-tanya adakah murid menghadapi kesukaran untuk mengingat fakta, atau adakah pengajaran guru sukar difahami dan dihayati oleh murid? Di akhir pengajaran dan pembelajaran, pengkaji membuat refleksi terhadap pengajaran. Pengkaji bertanya kepada diri, bagaimanakah pengkaji dapat membantu murid-murid dalam meningkatkan kefahaman mereka dalam topik haji? Bagaimanakah pengkaji dapat memperbaiki mutu pengajaran supaya murid dapat memahami topik haji terutamanya dalam membezakan dua perkara penting ini iaitu Rukun Haji dan Perkara Wajib Haji. Selama pengkaji mengajar topik ini selama 13 tahun, pengkaji mengakui, banyak kelemahan dalam pengajaran dan pengkaji ingin melihat penambahbaikan dalam pengajaran pengkaji sendiri. Ini adalah kerana, melalui kaedah tradisonal yang pengkaji lakukan selama mengajar, pengkaji mendapati

bahawa sebahagian murid masih tidak boleh memahami topik haji dengan baik. Disebabkan itu, pengkaji merasakan perlunya pengkaji melaksanakan kajian tindakan ini supaya pengkaji dapat menambah baik amalan pengajaran bagi membantu murid membezakan Rukun Haji dan Perkara Wajib Haji.

1.2 Objektif Kajian

Berikut ialah objektif kajian ini dijalankan iaitu bagi:

1. Meningkatkan kefahaman murid tentang memahami Rukun Haji dan Perkara Wajib Haji menggunakan templat pembinaan model haji.
2. Membantu murid membezakan Rukun Haji dan Perkara Wajib Haji dengan jelas menggunakan templat pembinaan model haji.

1.3 Soalan Kajian

Kajian yang dijalankan ini akan menjawab persoalan kajian yang berikut:

1. Adakah Pembinaan Model Haji meningkatkan kefahaman murid tentang Rukun Haji dan Perkara Wajib Haji?
2. Adakah Pembinaan Model Haji membantu murid membezakan Rukun Haji dan Perkara Wajib Haji dengan lebih jelas?

2.0 Sorotan Kajian

Terdapat banyak kajian dan inovasi yang berkaitan dengan topik ini, antaranya berbentuk Laman Haji seperti yang terdapat di SMK Bandar Rinching (Ayub 2017), penggunaan grafik seperti Skroll Suci yang dihasilkan oleh Ustaz Wan Ali Akbar Wan Abdullah (Wan Ali Akbar Wan Abdullah & Nursafra Mohd Zhaffar 2016, 2018), penggunaan video seperti yang dihasilkan oleh Tabung Haji (“Kursus Asas Haji Bersiri” 2021), berbentuk gamifikasi seperti Pintar Haji yang dihasilkan oleh Ustaz Jasmi Amin (Manirah Othman 2016), menggunakan teknologi AR seperti yang sedang diusahakan oleh Dr. Salbiah Salleh dengan kerjasama beberapa pihak lain (Salbiah Mohamed Salleh et al. 2020) dan Hajj Pop-up Tour yang dihasilkan oleh Ustazah Khairda Kamat daripada SMK Seremban 2 (Khairda Kamat 2018) seperti yang dinyatakan dalam artikel, Inovasi “Hajj Pop-up Tour”: Kemahiran dan Pengetahuan yang diperlukan untuk Membangunkannya. (Wan Ali Akbar Wan Abdullah et al. 2021). Ini menunjukkan bahawa telah ramai pengkaji yang membuat kajian bagi meningkatkan pembelajaran dan pemudahcaraan guru bagi permasalahan kajian yang berkaitan dengan topik ini. Walaubagaimanapun, tidak kesemuanya boleh saya praktikkan di sekolah kerana kekangan tertentu seperti modal yang besar untuk membina Laman Haji, teknologi AR yang memerlukan peralatan AR dan sebagainya. Maka, pengkaji terpenggil untuk menjalankan kajian ini bagi menambah baik kaedah pengajaran dengan membuat inovasi templat pembinaan model haji yang lebih murah, mudah dan menjimatkan masa.

3.0 Metodologi Kajian

3.1 Peserta Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 2 orang murid lelaki Tingkatan 5. Saya memilih 2 orang murid Tingkatan 5 dalam kajian ini kerana prestasi mereka yang kurang memberangsangkan dalam pentaksiran dan ujian topikal. Selain itu, karakter yang berbeza di antara dua orang peserta kajian ini iaitu Murid 1 seorang yang banyak mulut dan suka bermain ketika di kelas, manakala Murid 2 merupakan seorang yang pendiam dan pasif dalam kelas.

3.2 Pengumpulan Data Awal

Pengumpulan data awal diperolehi melalui analisis dokumen Pentaksiran Akhir Tahun dan Ujian Topikal 1 sebelum kajian dijalankan.

3.2.1 Pentaksiran Akhir Tahun

Pentaksiran Akhir Tahun (PAT) merupakan suatu pentaksiran yang dijalankan di akhir suatu penggal pengajaran dan pembelajaran. Pentaksiran ini telah dijalankan selaras bagi semua murid mengikut jadual yang telah disusun oleh pihak sekolah. Melalui PAT ini, saya dapat mengenal pasti kelemahan murid yang ketara dalam beberapa sub topik dalam Pendidikan Islam. Melalui analisis item, pengkaji mendapati bahawa antara topik yang dibiarkan kosong oleh murid ialah topik haji iaitu sub topik dalam Bidang Fiqh. Berikut ialah markah PAT bagi dua orang peserta kajian ini.

Jadual 1: Rekod Markah Pentaksiran Akhir Tahun Tingkatan 4

Murid	Markah (%)
1	40
2	17

Sumber: Rekod Markah Pentaksiran Akhir Tahun Tingkatan 4 2023 SMK Bandar Saujana Putra

3.2.2 Ujian Topikal 1

Ujian Topikal 1 dijalankan sebelum kajian. Ujian topikal ini menjurus kepada Topik Haji dan Umrah Tingkatan 4. Ujian ini dijalankan di kelas mengikut masa guru ketika sesi Pengajaran dan Pembelajaran di kelas. Berikut ialah markah Ujian Topikal 1 bagi peserta kajian ini.


Jadual 2: Rekod Ujian Topikal 1

Murid	Markah (%)
1	34
2	18

Sumber: Rekod Ujian Topikal 1 5 Epsilon 2024

3.3 Tindakan Yang Dijalankan

Kajian ini menggunakan reka bentuk Kajian Tindakan berdasarkan kepada Model Kajian Tindakan Lewin (1946) & Laidlaw (1992). Model ini mengandungi empat peringkat yang perlu dilalui iaitu merancang, bertindak, memerhati dan refleksi.



Rajah 1: Model Kajian Tindakan Lewin (1946) & Laidlaw (1992)

Proses perancangan kajian dijalankan berdasarkan refleksi Pengajaran dan Pemudahcaraan (PDPC) yang lalu, seterusnya proses tindakan dilakukan berdasarkan intervensi yang dirangka dalam kajian tindakan ini. Selepas itu, proses pemerhatian dibuat sebelum menjalankan refleksi terhadap kajian tindakan yang dilakukan.

3.3.1 Perancangan Tindakan

Kajian ini melibatkan saya sendiri sebagai pengkaji dan 2 orang murid Tingkatan 5 sebagai peserta kajian. Di bawah ini, ialah jadual pelaksanaan kajian dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Jadual 3: Pelaksanaan Kajian

Bulan	Minggu	Tindakan	Catatan
3	1	Tinjauan Awal Masalah	
	3	Analisis Data Tinjauan Awal	PAT & Ujian Topikal 1
	4	Merancang Dan Menyusun Aktiviti Intervensi	
4	1	Intervensi Kajian Dijalankan	-
		Aktiviti 1	
		Intervensi Kajian Dijalankan	-
		Aktiviti 2	
5	1	Intervensi Kajian Dijalankan	-
		Aktiviti 3	
		Intervensi Kajian Dijalankan	-
		Aktiviti 4	
5	1	Kutipan Data Kajian	
	2	Analisis Data Kajian	
	3	Refleksi Kajian	
	4	Menulis Pelaporan Kajian Tindakan	

Jadual 4: Jadual Intervensi Kajian

Aktiviti	Perkara
1	Pengkaji memperkenalkan Model Haji Induk
2	Aktiviti menggunting keratan Model Haji
3	Aktiviti menampal keratan dan melabel bagi membentuk Model Haji
4	Aktiviti pembentangan

3.3.2 Pelaksanaan Tindakan

3.3.2.1 Tinjauan Awal Masalah

Dalam pelaksanaan kajian ini, tinjauan awal masalah dibuat berdasarkan analisis Pentaksiran Akhir Tahun Tingkatan 4 dan dokumen soalan kuiz sebelum kajian dijalankan.

Analisis Data Tinjauan Awal


Data tinjauan awal yang digunakan ialah analisis Pentaksiran Akhir Tahun Tingkatan 4 iaitu berfokus kepada jawapan murid bagi soalan Haji dan Umrah di bidang fiqh. Selain itu, analisis soalan kuiz turut digunakan sebagai data tinjauan awal masalah kajian ini. Berdasarkan data tinjauan awal ini, pengkaji mengenal pasti isu dan masalah seterusnya merancang tindakan berikutnya.

Pentaksiran Akhir Tahun

Berdasarkan Pentaksiran Akhir Tahun Tingkatan 4, pengkaji mendapati 2 orang responden ini menghadapi masalah dalam menjawab soalan Haji dan Umrah iaitu merupakan sub topik soalan 3 bagi pentaksiran yang mengikut standard SPM. Murid tidak menjawab soalan ini dan membiarkan kertas jawapan murid kosong sahaja.

Dokumen Soalan Kuiz (Soalan Respon Terhad)

Analisis terhadap soalan kuiz yang dijalankan, pengkaji mendapati Murid 1 hanya mendapat markah 34% manakala Murid 2 hanya memperoleh markah sebanyak 18%. Kedua-dua murid masih belum boleh membezakan di antara Rukun Haji dan Perkara Wajib Haji juga Rukun Umrah dan Rukun Haji serta Perkara Wajib Haji dan Perkara Wajib Umrah. Ini adalah kerana, bagi soalan perbezaan di antara Rukun Haji dan Umrah serta Perkara Wajib Haji dan Umrah, kedua-dua murid membiarkan jawapan kosong. Pengkaji melihat kepada pentingnya murid untuk memahami tentang pelaksanaan haji dengan baik supaya murid lebih nampak perbezaan di antara Rukun Haji dan Perkara Wajib Haji ini sekaligus membolehkan murid menguasai tentang perbezaan diantara keduanya serta perbezaan di antara Haji dan Umrah.



Rajah 2: Jawapan Kuiz Murid 1 dan 2

3.3.2.2 Pelaksanaan Tindakan Dan Pemerhatian

Pelaksanaan Aktiviti 1 : Memperkenalkan Model Haji Induk

Pengkaji menunjukkan Model Haji Induk yang dibuat oleh pengkaji.



Rajah 3: Model Haji Induk

Pengkaji menunjukkan perjalanan haji dan umrah menggunakan model haji Induk yang telah disediakan oleh pengkaji bagi menerangkan pelaksanaan ibadah haji dan umrah mengikut Rukun dan Perkara Wajib Haji yang betul.




Rajah 4: Murid menonton perjalanan haji dan umrah menggunakan model haji yang ditunjukkan oleh pengkaji

Templat Pembinaan Model Haji Meningkatkan Kefahaman Murid Membezakan Rukun Haji Dan Perkara Wajib Haji


Pengkaji turut menunjukkan perbezaan Rukun Haji dan Perkara Wajib Haji menggunakan perbezaan warna kad di antara Rukun dan Perkara Wajib Haji iaitu Rukun Haji berwarna kuning, manakala Wajib Haji berwarna biru.

Pelaksanaan Aktiviti 2 : Menggantung Keratan Templat Model haji

Pengkaji telah membina templat keratan model haji. Murid dikehendaki menggantung templat tersebut.



Rajah 5: Templat Model Haji



Rajah 6: Murid sedang menggantung keratan templat model binaan

Murid dikehendaki menggunting templat bagi model binaan dahulu seperti Kaabah, Bukit Safa dan Marwah, Khemah di Muzdalidah dan Mina serta jamarat-jamrat. Setelah selesai, murid akan menggunting keratan Rukun Haji dan Perkara Wajib Haji mengikut turutan yang betul bagi mengelakkan kekeliruan bagi aktiviti berikutnya.

Pelaksanaan Aktiviti 3 : Melipat dan Menampal Keratan Bagi Membentuk Model Haji

Murid melipat dan menampal keratan atau label yang betul bagi membentuk model haji.



Rajah 7: Murid melipat keratan

Murid menampal keratan mengikut turutan yang betul iaitu dimulakan dengan menampal keratan bagi menyiapkan Model Masjidil Haram terlebih dahulu kemudian Model Arafah, Muzdalidah dan Mina. Kemudian, murid menampal keratan Rukun Haji dan Perkara Wajib Haji mengikut turutan yang betul. Murid menyiapkan model haji sambil dipantau oleh pengkaji. Murid boleh juga merujuk Model Haji Induk bagi meningkatkan kefahaman murid bagi menghasilkan model haji.



Rajah 8: Murid menyiapkan model haji

Pelaksanaan Aktiviti 4 : Menerangkan perjalanan Haji mengikut Rukun dan Perkara Wajib Haji yang betul

Murid menerangkan perjalanan haji mengikut rukun dan perkara wajib haji yang betul menggunakan templat. Murid juga menerangkan perjalanan umrah dan perbezaan Rukun Haji dan Rukun Umrah serta Perkara Wajib Haji dan Perkara Wajib Umrah.



Rajah 9: Murid menerangkan perjalanan haji mengikut Rukun dan perkara wajib haji yang betul

4.0 Analisa dan Perbincangan

4.1 Dapatan Kajian

Soalan Kajian 1: Adakah Pembinaan Model Haji meningkatkan kefahaman murid tentang Rukun Haji dan Perkara Wajib Haji? Saya menjawab persoalan kajian ini melalui soal jawab dan pemerhatian.

Soal Jawab

Semasa murid melaksanakan aktiviti membina Model Haji, pengkaji bersoal jawab dengan responden tentang beberapa soalan bagi melihat kemajuan dan perkembangan murid sepanjang melaksanakan aktiviti ini. Aktiviti menyoal ini dapat menyingkap kecerdikan dan pengetahuan mereka. Baginda Rasulullah S.A.W juga kadangkala menyoal para sahabat mengenai perkara yang Baginda sendiri mengetahuinya. Persoalan itu sebenarnya bertujuan membangkitkan kebijaksanaan para sahabat. (Shuhadak Mahmud, 2019). Antara soalan yang diutarakan adalah seperti dalam Jadual 5.

Berdasarkan soal jawab sepanjang murid melaksanakan aktiviti ini, pengkaji berpuas hati dengan semua jawapan murid menunjukkan murid memahami aktiviti yang sedang mereka lakukan. Kesemua jawapan murid adalah betul menunjukkan bahawa murid faham melalui aktiviti tersebut tentang Rukun Haji dan Perkara Wajib Haji yang sedang mereka bina dalam Model Haji tersebut.

Jadual 5: Soalan Ketika Soal Jawab Dijalankan

Soalan	Murid 1	Murid 2
Apa keratan yang anda gunting? Dan apakah yang dilakukan Jemaah haji di keratan tersebut?	Ketika menggunting model Kaabah: Kaabah, tempat orang menunaikan tawaf.	Ketika menggunting Bukit Safa: Tempat Saie, orang buat Saie.
Berapakah pusingan Tawaf di Kaabah?	7 kali pusingan	
Berapakah jumlah bilangan perjalanan ulang alik dari Bukit Safa ke Marwah ketika Saie?		7
Kenapakah kamu gunting keratan khemah di Muzdalidah dan Mina?	Sebab bermalam ustazah.	Sebab bermalam di Muzdalifah dan Mina
Jamrah ada berapa?	3, ustazah	
Apa nama Jamrah yang pertama?		Jamratul Ula.

Pemerhatian

Jadual 6: Data Pemerhatian Intervensi

Soalan	Murid 1	Murid 2
1) Adakah murid boleh menampal keratan mengikut kedudukan betul	Ya	Ya
2) Adakah murid boleh menerangkan susunan rukun haji dan wajib haji dengan betul	Ya, sedikit kekeliruan di perkara wajib haji ke-4	Ya, tiada timbul kekeliruan pada murid 2

Sepanjang murid membina Model Haji ini, pengkaji melihat murid boleh menampal keratan mengikut kedudukan yang betul. Contohnya ketika di akhir aktiviti, murid menerangkan susunan Rukun Haji dan Perkara Wajib Haji dengan betul sambil menampal keratan di ruangan padanan yang betul.

Ada sedikit kekeliruan sahaja pada Murid 1 iaitu ketika beliau menerangkan turutan Perkara Wajib Haji yang ketiga iaitu melontar Jamratul Aqabah kerana murid terkeliru dengan menyebut Perkara Wajib Haji yang keempat iaitu Bermalam di Mina. Ini adalah kerana, murid melihat susunan pergerakan Haji di Model Haji Arafah, Muzdalifah dan Mina di mana,

kedudukan Bermalam di Mina adalah sebelah di kedudukan Bermalam di Muzdalifah. Pengkaji membetulkan kesilapan murid dengan mengingatkan bahawa Jemaah Haji selepas bermalam di Mina akan bergerak Melontar di Jamratul Aqabah dahulu pada siang 10 Zulhijjah sebelum mereka bermalam di Mina. Masalah ini tidak timbul pada Murid 2.

Soalan Kajian 2: Adakah Pembinaan Model Haji membantu murid membezakan Rukun Haji dan Perkara Wajib Haji dengan lebih jelas?

Pengkaji menjawab persoalan ini dengan melaksanakan soalan kuiz selepas kajian dijalankan.

Soalan Kuiz (Soalan Respon Terhad)

Selepas kajian, pengkaji membuat soalan kuiz menggunakan soalan yang sama dengan soalan kuiz sebelum kajian dijalankan. Ini adalah kerana, pengkaji ingin melihat adakah murid boleh melihat dengan lebih jelas perbezaan di antara Rukun Haji dan Perkara Wajib Haji selepas aktiviti membina model haji tersebut. Berikut ialah analisis soalan kuiz yang dijalankan selepas kajian.



Rajah 10: Jawapan Soalan Kuiz Murid 1 dan Murid 2

Jadual 7: Analisis Jawapan Soalan Kuiz Murid 1 dan Murid 2

Soalan	Murid 1	Murid 2
B	5/5	5/5
Persamaan Haji dan Umrah		
C	6/12	10/12
Perbezaan Haji dan Umrah		
E	7/8	8/8
Pelaksanaan Haji Tamattuk		
Markah	18/25	23/25

Analisis Soalan Kuiz

Berdasarkan soalan kuiz murid, terdapat peningkatan markah yang ketara iaitu Murid 1 berjaya memperoleh sebanyak 18/25 (72%) markah manakala Murid 2 berjaya memperoleh markah sebanyak 23/25 (92%). Hasil dapatan, murid boleh membezakan Rukun Haji dan Perkara Wajib Haji apabila mereka

juga boleh mencari persamaan di antara Rukun Haji dan Umrah serta Perkara Wajib Haji dan Umrah. Murid juga boleh melihat perbezaan di antara Rukun Haji dan Umrah serta Perkara Wajib Haji dan Umrah. Bagi Murid 1, walaupun responden salah pada soalan Perkara Wajib Haji dan Umrah tetapi responden memberikan jawapan Perkara Wajib Umrah sahaja menunjukkan responden boleh melihat perbezaan di antara Haji dan Umrah sekaligus menunjukkan responden faham tentang perbezaan di antara Rukun Haji dan Perkara Wajib Haji.

4.2 Refleksi

Penyelidikan yang telah dijalankan ini telah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengkaji sebagai seorang guru serta menambah baik amalan pengajaran dalam membantu murid membezakan Rukun Haji dan Perkara Wajib Haji dalam aktiviti yang menarik dan tidak membosankan serta dapat meningkatkan kefahaman murid sendiri dalam membezakan Rukun Haji dan Perkara Wajib Haji. Pengkaji melihat kepada keperluan bagi untuk sentiasa memikirkan kaedah terbaik dalam meningkatkan kemahiran sebagai seorang guru dan menambah baik kekurangan dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan sebagai seorang guru. Penyelidikan ini juga diharapkan dapat dikongsi dengan rakan sekerja dalam bidang Pendidikan Islam bagi sama-sama berkongsi idea bagi meningkatkan kaedah pengajaran selaku guru Pendidikan Islam.

5.0 Rumusan dan Cadangan

Kajian ini telah membantu peserta kajian dalam mengatasi masalah untuk memahami Rukun dan Perkara Wajib Haji. Akan tetapi, saya mencadangkan agar kaedah ini ditambah baik dalam bentuk 3D seperti menggunakan pencetak 3D. Selain dari bentuknya yang lebih menarik, model 3D lebih jelas dilihat kerana menyerupai model sebenar. Bahan bantu mengajar yang sesuai dapat membantu dan memberi keberkesanan dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri, 2007).

Rujukan

- Kamarul Azmi Jasmi., Ab Halim Tamuri. (2007) Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran & Pembelajaran. Universiti Teknologi Malaysia. 136, 184 dan 236.
- Shuhadak Mahmud. (2020) Mendidik Gaya Rasulullah. Galeri Ilmu. 129.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, Mohd Isa Hamzah, Nursafra Mohd Zhaffar, (2021). Inovasi “ Hajj pop-up Tour”: Kemahiran dan Pengetahuan yang diperlukan untuk Membangunkannya. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 5 (1), 23-30